

17/06/2002

Umno akan lancar program hakis budaya takut

TELUK INTAN, Ahad - Umno akan melancarkan program menghakis budaya `takut kepada bayang-bayang' ke semua bahagian dan cawangan parti seluruh negara tidak lama lagi.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub, berkata jentera parti akan menjelajah setiap ceruk serta memberi penjelasan mengenai isu ketandusan pemimpin berwibawa jika sesetengah pihak masih `menutup pintu' kepada golongan cerdik pandai, pesara dan generasi muda.

Katanya, ketika ini, pegawai penerangan parti masih mengkaji cadangan melaksana program itu dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak, selain menyusun strategi berkesan.

"Pemimpin bahagian dan cawangan yang mengamalkan budaya takut kepada bayang-bayang mengecewakan pemimpin, terutama Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sikap tidak mahu membuka ruang kepada muka baru menyertai Umno.

"Fenomena itu tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana kesannya melemahkan Umno dan memberi peluang kepada golongan yang kecewa tidak dapat memasuki Umno menyokong pembangkang.

"Sesetengah ketua bahagian, ketua cawangan dan pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bimbang jawatan mereka dicabar muka baru apabila menerima golongan berkenaan," katanya selepas melancarkan Pasukan Gerak Gempur Briged Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Pasir Salak di Chenderong Balai, di sini, malam tadi.

(END)